

Terengganu catat prestasi terbaik

KUALA LUMPUR: Terengganu terus mengungguli keputusan peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) untuk tahun ke-10 apabila muncul negeri terbaik dalam peperiksaan itu tahun ini apabila seramai 3,560 atau 15.4 peratus daripada 23,147 murid mendapat 5A dan 7A.

Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) Terengganu, Razali Daud berkata, walaupun jumlah calon berkurangan tahun ini, berbanding 23,944 calon tahun lalu, murid mendapat A dalam semua mata pelajaran meningkat 0.1 peratus berbanding 15.3 peratus tahun lalu manakala calon yang mendapat keputusan 4A/6A+1B pula seramai 2,138 atau 9.2 peratus.

Katanya, seramai 11,542 calon pula memperoleh keputusan A dalam mata pelajaran Bahasa Melayu (Pemahaman) meningkat 3.9 peratus, manakala mereka yang mendapat keputusan minimum C meningkat sebanyak 1.5 peratus.

“Pencapaian mata pelajaran Bahasa Melayu (Penuli-

san) dan Bahasa Inggeris pula menunjukkan penurunan sebanyak 6.9 peratus dan 1.5 peratus,” katanya.

Di **KUALA LUMPUR**, seramai 2,548 daripada 23,305 calon memperoleh keputusan cemerlang atau semua A dan daripada jumlah itu, 1,841 calon dari sekolah kebangsaan (SK), 682 sekolah jenis kebangsaan (SJK) Cina dan 25 SJK Tamil.

Di **IPOH**, seramai 4,201 murid atau kira-kira 10 peratus daripada 42,057 calon UPSR memperoleh keputusan cemerlang 5A, meningkat 1.21 peratus berbanding 8.78 peratus tahun lalu.

Timbalan Pengarah JPN Perak, Mohd Idris Ramli, berkata seramai 26,610 calon atau 63.27 peratus mencapai

tahap penguasaan minimum iaitu memperoleh gred A, B dan C dalam mata pelajaran diambil iaitu peningkatan 1.5 peratus berbanding pencapaian 61.77 peratus tahun lalu.

Di **GEORGETOWN**, seramai 2,839 calon memperoleh 5A/7A dengan seramai 16,065 calon atau 66.74 peratus lulus semua mata pelajaran.

Timbalan Pengarah JPN, Ahmad Tarmizi Kamaruddin, berkata tiga sekolah yang terbaik ialah SK Bertam, Perai; SJKC Kwang Hwa, Sungai Nibong dan SJKT Mak Mandin.

Di **SEREMBAN**, seramai 2,324 murid atau 12.4 peratus daripada 18,790 murid di negeri itu berjaya memperoleh 5A dan 7A dengan peningkatan murid cemerlang sebanyak 0.03 peratus.

Timbalan Pengarah JPN Sembilan, Jamali Salam, berkata gred purata negeri juga meningkat kepada 2.19 berbanding 2.20 pada 2009, manakala pencapaian sekolah luar bandar turut memberi sumbangan besar apabila 1,243 murid memperoleh 5A dan 7A, berbanding 1,081 dari sekolah bandar.

FAKTA NOMBOR

3,560
calon

UPSR di Terengganu daripada 23,147 murid dapat 5A dan 7A